





PERANGKAAN PEMBUATAN, APRIL 2025


Nilai Jualan Sektor Pembuatan




Jualan sektor Pembuatan meningkat 4.8 peratus; berjumlah RM160.6 bilion pada April 2025



Bilangan Pekerja dan Gaji & Upah




Sumbangan %



Industri Berorientasikan Eksport dan Domestik



Daripada Jumlah Jualan



Sumber: Perangkaan Pembuatan Bulanan, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)



Jualan sektor Pembuatan meningkat 4.8 peratus kepada RM160.6 bilion pada April 2025

- Nilai jualan sektor Pembuatan meningkat 4.8 peratus (Mac 2025: 3.7%), berjumlah RM160.6 bilion pada April 2025. Peningkatan nilai jualan dalam sektor Pembuatan disumbangkan terutamanya oleh subsektor Makanan, minuman & tembakau, terus mencatatkan pertumbuhan dua angka sebanyak 11.1 peratus pada April 2025 (Mac 2025: 11.8%). Ini diikuti dengan pertumbuhan stabil dalam subsektor Peralatan elektrik & elektronik dan Produk mineral bukan logam, logam asas & produk logam, yang masing-masing mengembang sebanyak 9.8 peratus (Mac 2025: 7.4%) dan 4.6 peratus (Mac 2025: 4.0%). Perbandingan dengan bulan sebelumnya, nilai jualan jatuh sebanyak 2.3 peratus kepada RM160.6 bilion berbanding RM164.3 bilion yang direkodkan pada bulan sebelumnya.
- Pertumbuhan nilai jualan industri berorientasikan eksport yang mewakili 70.3 peratus daripada jumlah jualan, meningkat kepada 5.3 peratus pada April 2025 (Mac 2025: 4.6%). Pengembangan ini disebabkan terutamanya oleh peningkatan dalam Pembuatan minyak & lemak daripada sayuran & haiwan sebanyak 12.7 peratus (Mac 2025: 14.7%). Sementara itu, Pembuatan komputer, produk elektronik & optikal terus meningkat sebanyak 10.6 peratus (Mac 2025: 8.0%), dan Pembuatan jentera dan peralatan t.t.t.l. menaik sebanyak 7.9 peratus (Mac 2025: 4.5%). Berasaskan bulan ke bulan, industri berorientasikan eksport susut sebanyak 3.2 peratus.
- Industri berorientasikan domestik semakin berkembang sebanyak 3.6 peratus pada April 2025, selepas peningkatan 1.8 peratus pada Mac 2025. Prestasi ini disokong oleh pertumbuhan kukuh dalam Pembuatan produk pemprosesan makanan pada 10.0 peratus pada April 2025 (Mac 2025: 9.4%); serta dalam industri Pembuatan logam asas (5.9%); dan Pembuatan produk logam kecuali mesin & kelengkapan (3.7%). Bagi perbandingan bulan ke bulan, industri berorientasikan domestik mengalami penurunan sedikit sebanyak 0.1 peratus.



- Sejumlah 2.40 juta orang pekerja direkodkan dalam sektor ini pada April 2025, bertambah sebanyak 1.2 peratus (Mac 2025: 1.1%). Pertambahan ini dipacu terutamanya oleh subsektor Makanan, minuman & tembakau (1.9%); Produk mineral bukan logam, logam asas & produk logam yang direka (1.9%); dan Peralatan elektrik & elektronik (1.3%). Perbandingan bulan ke bulan, bilangan pekerja dalam sektor ini bertambah baik 0.5 peratus.
- Gaji & upah yang dibayar dalam sektor Pembuatan juga mencatatkan peningkatan 2.4 peratus (Mac 2025: 1.8%), berjumlah RM8.3 bilion pada April 2025. Walaubagaimana pun, gaji & upah yang dibayar menguncup sebanyak 0.9 peratus berbanding RM8.4 bilion yang direkodkan pada bulan sebelumnya. Seterusnya, nilai jualan bagi setiap pekerja meningkat kepada RM66,907 (3.6%), manakala purata gaji & upah bagi setiap pekerja adalah RM3,460, meningkat 1.2 peratus tahun ke tahun.
- Sepanjang empat bulan pertama tahun ini (Januari – April 2025), nilai jualan sektor Pembuatan berjumlah RM636.2 bilion, meningkat 4.2 peratus berbanding tempoh yang sama 2024 (Januari – April 2024: 2.7%). Bilangan peningkatan pekerja sebanyak 1.2 peratus kepada 2.40 juta orang, manakala gaji & upah meningkat 1.9 peratus kepada RM33.6 bilion dengan nilai jualan setiap pekerja berjumlah RM265,024, meningkat 3.0 peratus.

